

80 NGO Islam sokong PM beri perhatian nasib Yasser

11M 2 5 SEP 2002

KUALA LUMPUR 24 Sept. — Sebanyak 80 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana memberikan perhatian serius terhadap nasib Presiden Palestin, Yasser Arafat yang kini dikepung oleh tentera Israel.

Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, Datuk Kamalia Ibrahim berkata, sokongan itu diberikan kerana usaha Perdana Menteri tersebut adalah bagi membolehkan Presiden Palestin menjalankan tugas tanpa sebarang bentuk keganasan.

Majlis berkenaan mewakili kesemua NGO yang terlibat.

Menurut beliau, perjumpaan Perdana Menteri dengan beberapa pemimpin negara Kesatuan Eropah (EU) pada mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) Keempat di Copenhagen, Denmark adalah antara langkah terbaik bagi menyelesaikan masalah yang berlaku di Palestin.

“Setakat ini, saya difahamkan Presiden Perancis telah memberi jaminan akan membantu menyelesaikan masalah itu dan kami berharap agar negara-negara lain turut memberi bantuan demi keamanan dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar di Bilik Gerakan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) di sini, hari ini.

Antara wakil NGO Islam yang hadir pada sidang akhbar itu ialah dari Persatuan Cina Muslim Malaysia, Persatuan Bekas Pelajar Kolej Islam Malaya dan Gabungan NGO-NGO Islam di Lembah Klang.

Ahad lalu, Arafat telah menghubungi Perdana Menteri untuk meminta bantuan apabila ibu pejabatnya di Tebing Barat dikepung oleh tentera Israel.

Dr. Mahathir dalam reak-

si segera terhadap permintaan Arafat itu berkata, beliau akan menolong dengan menulis surat kepada pemimpin-pemimpin Barat bagi memohon campur tangan dalam konflik Israel-Palestin.

Usaha Perdana Menteri itu mendapat reaksi dari Presiden Perancis, Jacques Chirac yang memberi jaminan akan melakukan apa saja bagi membantu menyelesaikan masalah di Palestin yang kini semakin buruk.

Mengulas lanjut Kamalia berkata, selain Palestin, pihaknya juga mengutuk tindakan Amerika Syarikat (AS) yang bersedia untuk

menyerang Iraq pada bila-bila masa.

Beliau menjelaskan, pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan wakil Duta AS di negara ini bagi menyuarakan bantahan berhubung serangan tersebut.

Selain itu, beliau menyeru Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bersatu untuk memastikan masyarakat Islam di negara tersebut tidak terus ditindas oleh negara kuasa besar itu.

Beliau menyeru umat Islam di negara ini mengadakan sembahyang hajat untuk rakyat di kedua-dua negara terlibat supaya tidak terus ditindas dan dibunuh.